

28/01/1997

Pemimpin sepakat ambil tindakan tegas

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin negeri memandang serius gejala liar di kalangan remaja yang menular di pusat hiburan dan sepakat mengenakan tindakan lebih tegas terhadap pengusaha pusat hiburan yang tidak mengendahkan isu keruntuhan moral remaja.

Menteri Besar dan Ketua Menteri akan memastikan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha yang melanggar peraturan dan menjadi sarang maksiat.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Samad, berkata pengusaha pusat hiburan dan perjudian tidak seharusnya menggadai masa depan belia dan negara semata-mata bagi mengaut keuntungan.

"Pengusaha mesti sedar mengenai budaya negatif terhadap belia. Jangan tidak berhati perut semata-mata mencari untung daripada perniagaan seperti itu.

"Mereka mesti mematuhi peraturan lesen yang dikeluarkan kepada mereka," katanya mengulas arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan negeri mengambil tindakan segera membanteras budaya negatif dan maksiat.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata sebuah jawatankuasa khas yang diketuai Mufti Negeri Melaka, Rashid Reza akan mengkaji kemungkinan melarang khidmat pegawai perhubungan pelanggan (GRO) di pusat hiburan jika didapati menyumbang kepada maksiat.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata pihaknya akan mengadakan pemeriksaan lebih kerap ke atas pusat hiburan dan kedai permainan video di seluruh negeri.

"Walaupun pusat hiburan dan permainan video tidak banyak di negeri ini, ia perlu dibendung supaya tidak terus berleluasa seperti di negeri lain," katanya.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Khalil Yaakob, mengarahkan semua pusat hiburan seperti karaoke, kelab malam dan disko di negeri ini, menamatkan operasi mereka tepat jam 12 tengah malam dan jam 1 pagi pada malam minggu, berkuatkuasa 1 April sebagai langkah mengurangkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Di SHAH ALAM, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Perbandaran, Datuk Mohd Aini Taib, berkata beliau akan membawa perkara itu ke mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Rabu ini, bagi membincangkan tindakan yang perlu diambil terhadap premis hiburan yang berunsur maksiat dan negatif.

Beliau berkata, semua pihak berkuasa tempatan juga diarahkan bekerjasama dengan polis menjalankan operasi di pusat hiburan bagi memastikan ia mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

(END)